

Liek Hou raih kejuaraan berganda

Berita Harian 19/7/2022 (Page 47)

Kuala Lumpur: Pemain perseorangan lelaki badminton para negara, Cheah Liek Hou merangkul kejuaraan ke-11 selepas menjuarai Kejohanan Empat Negara Para Badminton Antarabangsa 2022 di Dublin, Ireland kelmarin.

Pilihan utama Liek Hou, yang bermain dalam kategori SU5 (masalah fizikal) benar-benar berada dalam prestasi sensasi apabila dia mengambil masa 39 minit untuk menundukkan pemain pilihan kedua Jepun, Taiyo Imai, 21-17, 21-16, pada perlawanan akhir.

Penyandang juara Paralimpik itu turut merangkul kejuaraan kedua dalam kejohanan itu, kali ini bersama gandingannya, Muhamad Faris Ahmad Azri, selepas mengungguli kumpulan dalam acara beregu lelaki.

Pada perlawanan pertama, Muhamad Faris-Liek Hou mengalahkan Guillaume Gailly-Mathieu Thomas dari Perancis, 21-9, 21-10 diikuti dengan kemenangan kedua ke atas Nilesh Balu Gaiwad-Manoj Sarkar dari India, 21-6, 21-16.

Muhamad Faris-Liek Hou kemudian mengesahkan kejuaraan selepas menewaskan pencabar



Liek Hou (tengah) bersama skuad badminton para negara di Dublin.

terdekat mereka, Chirag Baretha-Hardik Makkar, juga dari India, 21-19, 21-17.

Mahu gegar APG di Solo

Walaupun memenangi satu lagi kejuaraan di Ireland, pemain nombor satu dunia itu mengakui tidak mahu terbawa-bawa dengan pencapaiannya di sana kerana dia sudah meletakkan sasaran

untuk 'menggegarkan' Sukan Para ASEAN (APG) ke-11 di Solo (Surakarta), Indonesia dari 30 Julai hingga 6 Ogos.

"Saya akan berlepas ke Solo pada 26 Julai, saya rasa temasya itu sangat besar kerana pemain Indonesia, Dheva Anrimusti yang saya bertemu di final Sukan Paralimpik Tokyo tahun lalu juga akan bertanding. BERNAMA